

**Arahan:**

- 1 Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
- 2 Setiap kumpulan diberikan tugas.
- 3 Guru memberi kertas mahjong kepada setiap kumpulan untuk mencatat idea.
- 4 Guru perlu memberikan tugas yang bertemakan ekonomi, keusahawanan dan pengurusan kewangan.
- 5 Hasil kerja setiap kumpulan perlu ditampal pada papan kenyataan atau dinding bilik darjah.
- 6 Setiap kumpulan perlu berjalan secara kumpulan dan melihat hasil kerja kumpulan lain.
- 7 Kemudian, setiap kumpulan perlu memberikan komen pada nota lekat dan lekatkan pada kertas mahjong kumpulan lain.

**Arahan:**

- 1 Murid-murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
- 2 Setiap kumpulan dikehendaki membuka gerai jualan pada Hari Keusahawanan.
- 3 Setiap kumpulan diberikan masa untuk membuat persediaan.
- 4 Setiap kumpulan akan membuat pembentangan mengenai keuntungan dan cabaran ketika jualan berlangsung.
- 5 Guru akan menilai dan memberi markah.